

TINJAUAN PENGLIBATAN PENSYARAH POLITEKNIK DALAM MELAKSANAKAN LATIHAN INOVASI BAGI MENINGKATKAN KUALITI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Amanina Muhamad Sanusi^{1,*}, Saifullizam Puteh¹& Nur Farha Hassan²

¹Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, UTHM

*Emel: hb140187@siswa.uthm.edu.my, saifull@uthm.edu.my, ³hb140185@siswa.uthm.edu.my

Abstrak

Penglibatan pensyarah dalam melaksanakan inovasi bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran, adalah penting bagi mengkaji tahap motivasi dan kemudahan teknologi di institusi pendidikan. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengetahui tahap motivasi pensyarah POLIMAS terhadap penglibatan dalam latihan inovasi PdP. Kajian ini dijalankan bagi membantu pensyarah dalam mempelbagaikan teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran juga turut membantu pensyarah menggunakan teknologi yang sesuai dan terkini dalam pengajaran. Kajian tinjauan ini dilaksanakan bagi meningkatkan kadar motivasi pensyarah dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang menggunakan teknologi masa kini dalam memudahkan pengajaran.

Kata kunci-*Penglibatan pensyarah, motivasi, kemudahan inovasi.*

Abstract

The involvement of lecturers in implementing innovation in order to improve the quality of teaching and learning is deemed vital in reviewing the level of motivation and technology in educational institutions. This study aims to determine the level of motivation among POLIMAS lecturers' involvement in teaching and learning training innovation. This study is conducted to aid lecturers in the diversification of technology in teaching and learning by using appropriate technologies. A survey was conducted in order to improve the rate of motivation among lecturers by creating technology facilitated learning environment.

Keywords: *The involvement of lecturers, motivation, facilities innovation.*

1.0 PENDAHULUAN

Pengaplikasian teknologi dalam pengajaran akan menghasilkan generasi yang berkemahiran menggunakan teknologi dan mampu mengharungi era globalisasi, sekali gus merealisasikan impian negara agar menjadi negara maju pada 2020. Penggunaan perisian multimedia sebagai Alat Bahan Bantu Mengajar (ABBM) yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia secara idealnya adalah untuk memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di politeknik. Hal ini merupakan titik permulaan bagi pensyarah dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar bagi meningkatkan kecemerlangan dalam pendidikan. Atas dasar kepentingan ini juga, barisan pensyarah-pensyarah di Malaysia ini perlu memperkukuhkan diri dengan kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi. Selain mendedahkan kepada suatu bentuk PdP yang terkini, ia dianggap menjadi daya tarikan untuk

belajar dan juga memudahkan semua pihak iaitu pensyarah, pelajar, ketua jabatan, pentadbir, jabatan dan kementerian.

Penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebenarnya telah lama mula diaplikasikan dalam pengajaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi. Tetapi ianya tidak di aplikasikan sepenuhnya dengan baik kerana kurang kemahiran mengendalikan teknologi dalam melaksanakan PdP. Transformasi yang dilancarkan bertujuan meningkatkan sistem pendidikan di politeknik, untuk membangunkan program dalam bidang tujahan tertentu, tenaga pengajar dan kakitangan yang berpengetahuan, berkemahiran tinggi, serta mempunyai imej dan budaya cemerlang. Selain itu, pelajar akan mampu berfikir secara kritis dan kreatif setelah penerapan elemen dibawa masuk dalam pembelajaran.

Era teknologi maklumat telah membawa banyak transformasi dalam pendidikan di seluruh dunia dan tidak terkecuali juga bagi negara kita. Hala Tuju Transformasi Politeknik di Malaysia telah mengukuhkan lagi peranan Politeknik dalam bidang pendidikan dan latihan. Berikut adalah empat teras yang terkandung dalam Hala Tuju Transformasi Politeknik, iaitu (1) Memperkasa politeknik ke arah menjadi pilihan yang setanding dengan universiti awam yang lain, (2) Membangunkan program pengajian dan penyelidikan dalam bidang tujahan yang bertunjangkan kekuatan di setiap politeknik, (3) Memperkasa warga politeknik dengan pengetahuan dan kemahiran tinggi, (4) Membina imej bereputasi tinggi dan budaya kerja cemerlang.

Kemajuan pesat Teknologi Maklumat Dan Komunikasi (TMK) pada hari ini, mencetuskan perubahan global dalam sistem pendidikan. Malahan kemahiran TMK adalah merupakan salah satu kemahiran yang perlu ada dalam setiap individu dalam memperluaskan pengetahuan dan kemahiran dalam menggunakan teknologi yang bertindak sebagai media penyampaian maklumat pada masa kini. Kemudahan TMK pada masa kini adalah seperti radio, televisyen, telefon mudah alih, internet dan komputer. Kemahiran komputer dalam PdP berbantuan komputer (PPBK) berperanan sebagai tutor atau fasilitator. Dalam proses PdP yang sebenar di dalam kelas, pendidik berperanan sebagai pengajar, penerang dan pemudahcara, agen perubahan dan sumber inspirasi.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Penglibatan pensyarah dalam melaksanakan inovasi terhadap PdP, memainkan peranan yang penting dimana tanpa penglibatannya, matlamat wawasan 2020 sukar dicapai. Secara umumnya, penglibatan pensyarah dalam melaksanakan proses inovasi untuk menjayakan wawasan 2020 dengan melakukan transformasi inovasi supaya dapat membebaskan diri daripada pemikiran lama yang masih membelenggu mereka dalam kaedah pengajaran pada masa kini. Justeru itu, pensyarah seharusnya mempunyai motivasi yang tinggi dalam melaksanakan inovasi, kerana pensyarah adalah sumber yang sangat penting bagi membangunkan sesuatu pendidikan. Justeru itu, beberapa tahun ini pelaksanaan inovasi dalam sektor pendidikan telah menarik minat pengkaji-pengkaji terdahulu. Hasil dapatan kajian yang lepas menyokong idea bahawa pensyarah adalah penting bagi menentukan kejayaan pelaksanaan inovasi dalam pendidikan.


Dalam masa yang sama, pelaksanaan inovasi juga berhadapan dengan halangan kerana wujudnya perasaan bimbang sekiranya pensyarah menghadapi kesukaran menukar amalan yang sedia ada kepada amalan yang baru. Pensyarah dari segi psikologi seperti tidak berkeyakinan mengendalikan alat-alat teknologi komputer dan telekomunikasi dan ia dinamakan technophobia. Justeru itu, aspek komitmen pensyarah dalam melaksanakan inovasi dalam kelas akan mempengaruhi sejauhmana penglibatan pensyarah bertindak sebagai agen transformasi. Aspek

komitmen ini akan mempengaruhi persepsi pensyarah terhadap melaksanakan inovasi itu sendiri dan ia akan membawa kepada perubahan sikap dan tingkah laku pensyarah semasa proses PdP dijalankan.

Dalam merealisasikan transformasi inovasi di sekolah atau pusat pengajian tinggi, terdapat pelbagai rintangan dan cabaran yang terpaksa dihadapi bagi membolehkan perlaksanaanya dilaksanakan secara berkesan. Contohnya seperti demografi pensyarah yang berbeza, keupayaan dan kemampuan dari segi motivasi, sikap, pengetahuan dan kemahiran akan menentukan tahap kesediaan dalam pelaksanaan inovasi. Motivasi pensyarah mampu menjadikan mereka berdaya saing, kreatif dan positif dalam melaksanakan tugas. Dalam masa yang sama, didapati pensyarah yang mempunyai tahap motivasi yang rendah lebih cenderung untuk menentang sesuatu pelaksanaan inovasi dilakukan. Ini kerana rasa rendah diri dan berpuas hati dengan apa yang sedang dialami, justeru itu mereka tidak memerlukan perubahan kerana perasaan kurang yakin untuk melakukan perubahan baru.

Kemudahan dan masa juga menjadi sasaran segelintir pensyarah untuk menjadikannya rungutan tiada masa yang mencukupi dalam menggunakan kemudahan yang belum mencukupi sepenuhnya bagi mengelakkan diri dari melaksanakan pengajaran inovasi. Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menyarankan kepada semua pihak institusi pengajian tinggi (IPT) supaya melaksanakan inovasi dalam PdP di IPT bagi tujuan meningkatkan sistem pendidikan di negara ini. Namun demikian, inovasi dalam PdP seperti yang disarankan masih sukar dilaksanakan di IPT. Terdapat pelbagai aspek yang menyukarkan pelaksanaan inovasi tersebut. Kesukaran tersebut berlaku dalam konteks profesionalisme pensyarah sebagai satu sumber input dan memberi kesan kegagalan program akademik keseluruhannya. Di samping itu, aspek halangan melaksanakan inovasi dalam PdP di IPT yang telah dikenalpasti, adalah seperti pengamalan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran, jenis latihan yang telah diikuti oleh pensyarah, dan galakan kepada pensyarah untuk melaksanakan inovasi.

2.1 Kerangka Konsep



Rajah 2.1 Kerangka konsep.

Kerangka konsep ini telah dibangunkan berdasarkan hasil daripada teori yang dikemukakan oleh penyelidik dalam tahap motivasi pensyarah di Polteknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (POLIMAS) terhadap penglibatan dalam latihan inovasi PdP. Kerangka konsep yang dirangka adalah untuk menunjukkan perkaitan antara pemboleh ubah bersandar, pemboleh ubah bebas dan pemboleh ubah kolerasi dalam mendapat keluaran yang dikehendaki. Kerangka yang dibina ini dapat menggambarkan proses input di mana pensyarah menggunakan kemudahan inovasi yang disediakan dan pensyarah mempunyai motivasi bagi melaksanakan inovasi dalam

pengajaran dan pembelajaran. Proses output yang akan diperoleh dari hubungan di antara kemudahan dan motivasi dalam pelaksanaan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran.

3.0 PENGLIBATAN PENSYARAH DALAM LATIHAN INOVASI

Penglibatan pensyarah akademik secara aktif adalah bertujuan untuk memudahkan pencapaian objektif dalam melaksanakan transformasi dalam pendidikan ke arah pengajaran yang berinovasi dalam PdP dan dipersetujui digunakan dalam sistem pendidikan hari ini. Pengajar adalah individu yang berkelayakan untuk mengajar sesuatu mata pengajaran atau bidang ilmu. Manakala pengajaran pula boleh ditakrifkan sebagai suatu pendekatan pengajaran yang membolehkan pendidik berinteraksi dengan pelajar dengan cara membimbing, menggalak dan memotivasikan pelajar supaya memperoleh ilmu dan kemahiran sesuatu pembelajaran. Proses pengajaran juga boleh dikenali sebagai pedagogi dalam istilah pendidikannya. Proses pengajaran akan berlaku bergantung kepada kreativiti dan pendekatan yang digunakan oleh pensyarah atau guru dalam menarik minat pelajar.

Matlamat pembangunan inovasi dalam kalangan pelajar bertujuan untuk melahirkan modal insan yang kreatif dan inovatif. Individu yang kreatif dan inovatif berkeupayaan menghasilkan idea serta berdaya cipta. Bersesuaian dengan kehendak negara dalam Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2011 – 2015) turut memberi penekanan untuk membangunkan modal insan yang kreatif dan inovatif bagi memenuhi keperluan negara di abad ke-21. Pelaksanaan elemen kreativiti dan inovasi dalam pendidikan berperanan membangunkan agenda transformasi negara. Dalam konteks pendidikan, kreativiti dan inovasi adalah dua elemen yang saling berkaitan antara satu sama lain bagi membolehkan kedua-dua proses tersebut dilaksanakan dalam PdP.

3.1 Motivasi Dalam Latihan Inovasi

Sebagai seorang pendidik perkara yang amat penting adalah tahap motivasi diri dalam membentuk pengajaran yang berkesan secara optimum dalam mencurahkan ilmu kepada para pelajar dengan hati yang tulus dan ikhlas. Motivasi dalam diri seseorang individu itu adalah bergantung kepada penerimaan dan pegangan seseorang itu dalam melaksanakan tugas yang telah diberikan. Oleh itu, sebagai pendidik sifat motivasi itu adalah penting untuk menyertai latihan inovasi bagi melaksanakan pengajaran inovasi yang telah dilaksanakan sejak beberapa tahun kebelakangan ini, inovasi dalam pendidikan telah menjadi semakin penting dalam pembaharuan sistem pendidikan di seluruh dunia dalam usaha untuk meningkatkan taraf kecemerlangan pendidikan dan untuk mengubah amalan pengajaran tradisional (teachercentered) kepada pendekatan berpusatkan pelajar yang lebih kreatif seperti berkerjasama dalam kumpulan dan pembelajaran berasaskan projek bagi mewujudkan pembelajaran aktif. Terdapat satu contoh yang amat ketara di Greece di mana banyak pembaharuan telah dilakukan pada sepuluh tahun yang lalu dalam usaha Kementerian Pendidikan untuk meningkatkan pendidikan dan untuk menyelaraskan kurikulum kebangsaan selaras dengan antarabangsa.

Perubahan pendidikan baru-baru ini adalah berkenaan latihan inovasi dalam PdP iaitu projek penyelidikan diperkenalkan kepada institusi pendidikan tinggi Yunani pada gred ke 10 hingga gred ke 12. Perkara ini menunjukkan empat prinsip pedagogi dalam PdP iaitu (a) Pembelajaran berasaskan Inkuiri, (b) disiplin pengajaran kerjasama, (c) Pembelajaran Differentiated, (d) Pembelajaran koperatif. Pendidik yang telah mula menerima pendekatan inovasi ini bersemangat untuk belajar dan bersetuju dengan pelaksanaan pembelajaran inovasi dalam pengajaran yang membantu tahap kesediaan mereka dalam membentuk tindakan yang

sesuai untuk belajar memotivasi diri dalam meningkatkan kemahiran inovasi, ini adalah merupakan salah satu ciri-ciri asas pendidik yang berjaya dalam pembangunan profesional. Abraham Maslow ahli teori motivasi mencadangkan bahawa motivasi autonomi untuk belajar adalah penting untuk mengoptimumkan pembelajaran dan prestasi, pelarasan individu dan psikologi berfungsi, kreativiti yang lebih besar dan ketekunan dalam pelbagai tetapan pendidikan. Ini bermakna bahawa motivasi pensyarah untuk terlibat dalam pengalaman pembelajaran yang baru, seperti dalam perkhidmatan program latihan, perlu menjadi asas untuk kejayaan program-program ini.

Fokus utama kajian adalah mengenai tahap motivasi pensyarah untuk mengambil bahagian dalam latihan inovasi kerana pembelajaran pelajar bergantung kepada kualiti pensyarah. Selain itu, pembangunan profesional adalah penting dalam memotivasi pensyarah. Pengaruh yang ketara adalah kualiti pensyarah terhadap pencapaian pelajar dan hubungan antara profesional pembangunan pensyarah dengan meningkatkan pencapaian di institusi. Pensyarah yang termotivasi untuk melaksanakan inovasi adalah kerana mereka sedar peranan mereka penting dalam pelaksanaan projek penyelidikan dengan menganjurkan kerja kumpulan, seminar motivasi dalam membimbing dan membentuk pelajar yang berinovasi.

Hasil kajian ini akan menyokong idea bahawa motivasi pensyarah adalah salah satu penentu paling penting untuk kejayaan pelaksanaan pembelajaran inovasi dalam sistem pendidikan. Diantara motif yang mempengaruhi penyertaan pensyarah dalam pembangunan profesional ini adalah untuk mendapatkan kemahiran baru, pengetahuan untuk meningkatkan amalan bilik darjah dan gaji tambahan. Di samping itu, kajian mengenai domain kerja lain menunjukkan bahawa motivasi pekerja dalam melibatkan diri dalam latihan dan pembangunan pekerjaan adalah ditentukan oleh motivasi dalaman seperti rasa ingin tahu, pengetahuan. Oleh itu, dijangkakan motivasi ekstrinsik menjadi penggerak yang mendorong individu untuk melakukan sesuatu kerana inginkan ganjaran nyata yang disediakan. Motivasi intrinsik dan ekstrinsik adalah kunci kepada konstruk Teori Penentuan Diri dan Regulasi Kendiri yang boleh digunakan untuk menyiasat pensyarah dalam tugas tertentu motivasi iaitu, penyertaan dalam latihan dan pengajaran menggunakan inovasi. Terdapat tiga jenis motivasi iaitu motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik dan regulasi sendiri. Motivasi intrinsik adalah dorongan dalaman yang lahir dalam diri seseorang dan ia merupakan penggerak utama bagi melakukan perkara-perkara untuk kepentingan sendiri atau ganjaran bagi diri sendiri. Motivasi ekstrinsik pula ialah motivasi yang datang dari dorongan luaran yang berbentuk seperti pemberian ganjaran, hadiah, hukuman, ugutan, arahan, penghargaan dan pengiktirafan. Regulasi sendiri pula adalah kebolehan seseorang untuk menilai keadaan dalaman, naluri dan sumber yang wujud dalam diri dan terbahagi kepada lima iaitu kawalan sendiri, kebolehpercayaan, bertanggungjawab, kebolehadaptasian dan inovasi.

4.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhan kajian ini mendapati, penglibatan pensyarah Politeknik Sultan Abdul Halim Mua'dzam Shah (POLIMAS) dalam melaksanakan latihan inovasi dalam meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta bersemangat melakukan kerja menggunakan teknologi dalam PdP. Hasil kajian ini diharap dapat dijadikan pemangkin semangat untuk pensyarah menggunakan teknologi dalam pembelajaran bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

5.0 ACKNOWLEDGMENT / AKUAN

Setinggi ucapan terima kasih kepada pihak Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Universiti Tun Hussien Onn Malaysia kerana menaja kajian ini.

Rujukan

- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. (2009). Hala Tuju Transformasi Politeknik ke arah Kelestarian Penghasilan Modal Insan Negara. Seri Kembangan: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- S. Puteh, M. Z. Jaludin, & N. L. Sulaiman (2006). The Effectiveness of Computer Simulation's On Problem Solving for Electrical Engineering Students' Ability. Fourth Annual Hawaii International Conference on Education, 4945 – 4955.
- Jabatan Pengajian Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi. (2012). Informasi Politeknik Edisi September 2012. Putrajaya: Jabatan Pengajian Politeknik, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Umar, I. N. & Jamiat, N. (2011). Pola Penyelidikan ICT dalam Pendidikan Guru di Malaysia: Analisis Prosiding Teknologi Pendidikan Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*. 26(1). 1-14.
- Muhamed, A. Z. S. (2011). Amalan Pengajaran & Pembelajaran Berbantuan Komputer (PPBK) dalam Pengajaran Tilawah Al-Quran. *Proceeding 2nd International Conference on Islamic Education*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2014, Mei). **Guru: Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi.** Dicapai pada September 15, 2013, dari Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2012). Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020.
- Gorozilis, G. & Papaioannou, A. G. (2014) "Teachers' Motivation to Participate in Training and to Implement Innovations." *Teaching and Teacher Education* 39. 1(1). 1–11.
- Talip, R., Abdullah, M. Y., & Mohamad, B., & Ambotang, A. S., & Zain, S., & Taat, M. S., (2012). Guru sebagai agen transformasi dalam inovasi kurikulum.
- Marimuthu, S. (2011). "Senario Sosio -Ekonomi Dunia Telah Berubah Ke Arah Ekonomi Berasas Pengetahuan Sebagai Enjin Pertumbuhan. Senario Ini Dapat Dilihat Apabila Pelaburan Yang Besar Telah Mula Beralih Kepada Aktiviti Berorientasi Pengetahuan Seperti Penyelidikan Dan Pembangunan, Perlesenan Dan Harta Intelek. Justeru, Pembangunan Negara Perlu Menjurus Kepada Pembentukan Massa Kritikal Penyelidikan Dan Melonjakkan Diri Kepada Tahap Pencipta Teknologi."
- Mahfurdz, A., Semail, S., (2012). Hubungan Gaya Pembelajaran, Motivasi Dan Pencapaian Pelajar Semester Satu Dalam Modul Matematik Kejuruteraan. Politeknik Mukah Sarawak, Sarawak.
- Buntat, Y. & Ahmad, L. (2012). Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru-Guru Teknikal Di Sekolah Menengah Teknik Dari Perspektif Guru.
- Rahman, S., Nordin, A. B., Alias, N., (2013). Penggunaan ICT Merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan Di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. 1(4). 12-20. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*.
- Yasak, Z., Mohamad, B., Esa, A., Shabuddin. (2009). Kaedah Pengajaran Berasaskan Laman Web Terhadap Pelajar Diploma Kejuruteraan Elektrik Mekatronik Di Politeknik. 1(1). 1-14.

- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2011). "Pelan Tindakan Pengajian Tinggi Negara Fasa 2 (2015) : Mencetus Transformasi Pengajian Tinggi." KTPM.
- Rahman, S., Nordin, A. B., Alias, N., (2013). Penggunaan ICT Merentas Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK): Tinjauan Di Prasekolah Kementerian Pelajaran Malaysia. 1(4). 12-20. Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik.
- Mougbo, U. S. (2013). The Impact of Employee Motivation On Organizational Performance (A Study Of Some Selected Firms In Anambra State Nigeria).The International Journal Of Engineering And Science (IJES). 2(7). 70-80.
- Harter, S. (1982). The Perceived Competence Scale For Children. Child Development, 53, 87-97.
- Singer, R. N. (1984). Motivation In Sport. International Journal Of Sport Psychology. 8(1). 40-62.
- Ariffin, S. R., Noriah, M. I. & Zuria, M. & Ramli, M. & Ruhizan, M. Y. & Norzaini, A. & Ruslin, A. (2004). *IRPA Executive Report MOSTI*.